




ABDULLAH... maut



NORAINI... maut



SAMSI AH... maut



MUHAMMAD AIMAN... maut



MAISARAH... maut

# Rakam gambar tanpa anak bongsu

Metro 2/12/12 MS 7

**K**OTA TINGGI: "Saya tak sangka kelakuan pelik mereka merakam gambar bersama pada Aidilfitri lalu tanpa kehadiran anak bongsu, Ammar Haziq, 3, petanda mereka empat beranak bakal meninggalkan kanak-kanak itu seorang diri.

"Ini kerana empat beranak berkenaan maut dalam kemalangan pagi tadi (semalam), manakala Ammar Haziq masih kritikal di Unit Rawatan Rapi Hospital Mersing akibat cedera di kepala dan badan," kata Rafidah M Yusof, 36.

Adik kepada arwah Abdullah M Yusof itu berkata, kali terakhir dia berjumpa abangnya Aidilfitri lalu di rumah keluarga di Blok 19, No 446 Felda Air Tawar 5.

"Saya diberitahu, arwah yang jуга anak keempat da-

ripada 10 beradik mengunjungi rumah ibu untuk membaiki lampu minggu lalu.

"Malangnya, saya tak sempat bertemuinya kerana ada urusan lain. Tanpa diduga, perjumpaan pada Aidilfitri lalu adalah kali terakhir kami bertemu.

"Apabila dilihat semula gambar keluarganya yang dirakamkan, keempat-empat mereka didapati bergambar bersama kecuali Ammar dan ia mungkin petanda anak bongsu mereka bakal ditinggalkan," katanya ketika ditemui di Felda Air Tawar 5, di sini, semalam.

Katanya, arwah abangnya bekerja sebagai juruteknik di sebuah kilang di Johor Bahru dan tinggal di Taman Daiman, Kota Tinggi.

Menurutnya, keluarganya terkilan dengan kejadian menimpa arwah kerana tidak

tahu perancangan mereka ke Jengka, Pahang, untuk menghantar adik bongsu kakak iparnya mendaftar Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Jam 9 pagi tadi (semalam), kami menerima panggilan menyatakan abang mengalami kemalangan dan meninggal dunia.

"Lebih mengejutkan apabila diberitahu, kakak ipar yang bertugas sebagai guru Bahasa Melayu (BM) di Sekolah Menengah Tun Habab, di sini, dan dua anak mereka turut maut," katanya.

Katanya, mereka kini berharap Muhammad Ammar yang kini dipindahkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru pulih secepat mungkin.

Abdullah dan dua anaknya yang meninggal dunia, Muhammad Aiman Syakirin, 8 dan Maisarah, 4, akan dike-



bumikan di Tanah Perkuburan Islam Felda Air Tawar 5, manakala jenazah isterinya Samsiah Maidin, 37, dan kakaknya, Noraini, 41, akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Felda Air Tawar 3.

Sementara itu, ibu Samsiah, Minah Ismail, 60, berkata, sempena cuti sekolah dia mengajak mangsa sekeluarga menghantar adik bongsu Samsiah yang akan mendaftar masuk ke UITM

Jengka, Pahang. "Bagaimanapun, hasrat kami tidak kesampaian dan terpaksa menguruskan pengebumian jenazah dua anak, seorang menantu dan dua cucu," katanya.



**KENANGAN...** (dari kiri) Muhammad Aiman, Abdullah, Maisarah dan Samsiah bersama ibu mereka, Ramlah Omar (tengah), bergambar ketika Aidilfitri lalu.

# Jalan licin tak sempat mengelak

**M**ERSING: Keadaan jalan licin selepas hujan dipercayai menyebabkan pemandu lori tangki minyak sawit tidak mampu mengelak atau memberhentikan kenderaan itu sebelum merempuh sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang terbabas ke laluan bertentangan dalam kemalangan maut memabitkan lima sekeluarga manakala seorang lagi parah di Kilometer 13 Jalan Endau - Mersing, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 7.30 pagi, kereta dinaiki enam sekeluarga itu dikatakan dalam perjalanan dari Kota Tinggi ke Jengka, Pahang, untuk menghantar ahli keluarga mendaftar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Jengka.

Empat yang maut di lokasi ialah Abdullah M Yusof, 43, isterinya; Samsiah Maidin, 37; anak keduanya, Maisa-

rah, 4, dan kakak ipar Abdullah, Noraini, 41.

Anak sulung mereka, Muhammad Aiman Syakirin, 8, pula maut ketika mendapatkan rawatan kecemasan di Hospital Mersing, manakala anak bongsu pasangan itu, Ammar Haziq, 3, yang duduk di depan bersama ibu bapanya kini mendapatkan rawatan di unit kecemasan hospital sama akibat cedera di kepala dan badan.

Pemandu lori tangki terbabit, Azhar Mohd Othman, 29, berkata, ketika kejadian, dia dalam perjalanan ke Pasir Gudang, Johor Bahru untuk menghantar minyak sawit dari arah Endau.

"Tiba-tiba saya dapati kereta itu hilang kawalan lalu melintang di depan laluan saya. Saya cuba mengelak namun gagal, menyebabkan kenderaan saya merempuh MPV itu.

"Saya tak mampu buat apa-apa kerana kereta yang menuruni bukit itu dalam keadaan laju, sedangkan saya memandu lori menaiki bukit dan akibat pertembungan itu, MPV berkenaan melekat di depan lori.

"Saya keluar dari lori dan mendapati mereka parah sebelum saya menghubungi polis," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Mohd Nor Rasid berkata, siasatan awal mendapati MPV dipandu Abdullah dalam perjalanan ke Pahang.

"Sebaik tiba di lokasi iaitu kawasan berbukit, kenderaan arwah Abdullah yang menuruni bukit dipercayai hilang kawalan, menyebabkan MPV dipandunya berpusing dan melintang di laluan bertentangan," katanya.